

## Prof Ungku Aziz dalam perjuangannya bahasa Melayu

**Kembalinya** Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Majid kepada Allah SWT, Selasa lalu, turut meninggalkan 'jejak-jejak di pantai zaman' (meninjau judul bukunya mengenai Pendeta Za'ba).

Beliau sendiri meninggalkan jejak penting kepada negara dalam bidang ekonomi, pendidikan, bahasa dan sastera. Beliau mewakili sejumlah kecil ilmuwan merentas bidang dalam keadaan kebanyakan ilmuwan lebih menjurus bidang khususnya semata-mata.

Walaupun pengajiannya di Universiti Malaya di Singapura dalam bidang ekonomi, minat dan rasa tanggungjawabnya kepada bidang bahasa menyerlah dari awal.

Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada 1956 di Johor Bahru dan Singapura, beliau antara tenaga penting menggerakkan kongres itu. Dalam kongres itu, nama Balai Pustaka dicadangkan dalam kongres kedua pada 1954 ditukar menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pembabitkan aktif dalam kongres ketiga itu menjadi antara asas beliau dilantik kerajaan sebagai Pengarah pertama DBP. Ketika itu jawatan Ketua Pengarah belum wujud.

Tempoh setahun menjadi Pengarah (1956-1957) memang singkat, tetapi beliau meletakkan asas hala tuju DBP yang kemudian digerakkan Tun Syed Nasir Ismail sebagai Pengarah kedua.

Perjuangannya dalam bidang bahasa tidak berhenti setakat itu walaupun beliau lebih dikenal sebagai ahli ekonomi dan Naib Canselor di institusi pendidikan tinggi tertua di negara ini, iaitu Universiti Malaya (UM).

Pada 1970-an, sejajar dengan usaha kerajaan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat pendidikan tinggi, Ungku Aziz menggerakkan langkah pelaksanaan bahasa Melayu di UM.

Beliau dibantu Prof Asmah Omar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan di universiti itu. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pelbagai bidang dimulakan dan dipesatkan.

Pengalaman kecil dalam hubungan saya dengan beliau, tetapi cukup mengesankan berlaku pada 1978. Beliau mengilhamkan Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif (RPKD) di Fakulti Sastera dengan Prof Abu Bakar Hamid sebagai penyelarasnya.

Cadangan penubuhan program itu tercetus daripada kesedaran beliau peritingnya penulisan sebagai kemahiran bagi mahasiswa.

Saya dipelawa mengajar di RPKD sebagai pensyarah sambilan ketika saya

**“ Dalam hal ini, Ungku Aziz dapat dijadikan teladan kerana melaksanakan dasar negara dan pada masa sama tetap memajukan universiti pimpinannya. Beliau membuktikan bahasa kebangsaan bukan batu penghalang kecemerlangan universiti. Beliau tidak pula menolak keperluan menguasai bahasa asing, malah menegaskan perlunya pelajar diberi peluang menguasai bahasa asing yang utama. ”**

bertugas sebagai pegawai penyelidik bahasa di DBP. Dalam pertemuan beliau dengan semua pensyarah rancangan itu, beliau mengemukakan pandangan jelas mengenai pentingnya falsafah, bahasa dan kemahiran menulis bagi sarjana.

Hanya sayangnya, program itu tidak dijadikan kursus wajib universiti, walaupun kemahiran penulisan amat penting bagi mahasiswa semua fakulti.

RPKD kemudian dinaikkan tarafnya menjadi Jabatan Penulisan dan kemudian Jabatan Pengajian Media. Jasa Ungku Aziz dalam pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan di UM dan penubuhan Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif sekadar dua contoh iltizamnya dalam perjuangan bahasa.

Apabila Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan pada 2003, Ungku Aziz antara tokoh penting tidak menyetujui program itu.

Beliau menyifatkan dasar PPSMI ini sebagai 'gila.' (lihat Isahak Haron, 'Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz yang Kukenal' dalam buku *The Renaissance Man*)

Kata beliau: "Bagi saya PPSMI tidak berupaya meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa itu. Pendekatan baharu perlu membabitkan penambahan masa untuk kedua-dua subjek itu pada semua peringkat persekolahan dan universiti." (Kolokium PPSMI serta Implikasinya Terhadap Pembangunan Modal Insan Murid, Jun 2009).

Sebagai orang yang lahir di London, belajar di Singapura dan banyak membaca serta menulis dalam bahasa Inggeris, beliau pasti mengakui pentingnya bahasa Inggeris, tetapi tidak mengagap keputusan melaksanakan PPSMI sebagai keputusan yang bijak.

Bagi beliau, seperti pejuang bahasa yang lain, penguasaan bahasa Inggeris mesti ditingkatkan melalui mata pelajaran bahasa Ing-

geris itu sendiri.

Saya berpeluang menjadi panel bersama dengan beliau dalam satu program di TV3 sekitar 2003 untuk mengupas isu PPSMI dan isu lain mengenai bahasa Melayu.

Kami mempunyai pandangan yang sejalan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama mesti dilaksanakan dengan tegas dan berkesan.

Keputusan itu sudah menjadi dasar negara dan dimaktubkan dalam Akta Pendidikan 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996. Lebih awal, ketetapan itu disebut dalam Penyata Pendidikan Razak (1956) dan Penyata Penyemak Pendidikan Rahman Talib (1960).

Sikap dan pendirian yang jelas serta tegas seperti itu perlu ada pada semua pemimpin institusi ilmu di negara ini untuk menjayakan satu daripada dasar negara yang penting, iaitu Dasar Bahasa Kebangsaan.

Dalam hal ini, Ungku Aziz dapat dijadikan teladan kerana melaksanakan dasar negara dan pada masa sama tetap memajukan universiti pimpinannya. Beliau membuktikan

kan bahasa kebangsaan bukan batu penghalang kecemerlangan universiti.

Beliau tidak pula menolak keperluan menguasai bahasa asing, malah menegaskan perlunya pelajar diberi peluang menguasai bahasa asing yang utama.

Hal itu dibuktikannya dengan memperkenalkan University Malaya English for Special Purposes (UMESP) untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa.

Berkaitan dengan bahasa, Ungku Aziz memberikan perhatian kepada warisan bangsa, iaitu pantun. Beliau diundang Persatuan Linguistik Malaysia untuk menyampaikan Syarahan Raja Ali Haji dan beliau menyampaikan syarahan berjudul 'Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu' pada 2011.

Ketika saya mengunjungi beliau pada 28 Jun 2012, beliau menceritakan usahanya meneliti 16,000 rangkap pantun untuk mengemukakan hikmah dalam pantun.

Demikian selang pandang kenangan dan penghargaan saya kepada Profesor Diraja Ungku Aziz, ilmuwan, seniman dan tokoh mancabidang yang terkenal dalam bidang ekonomi, pendidikan, bahasa, sastera serta falsafah.

**Penulis adalah** Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

